

PEMBERITAHU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS DEWAN RAKYAT
MENGENAI INTEGRITI

1. Dewan Rakyat, pada 8 Disember 2005 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Integriti bagi membincangkan isu-isu pengukuhan nilai, etika dan integriti di kalangan masyarakat berlandaskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional. Jawatankuasa ini adalah berkuat kuasa selama dua tahun dari tahun penubuhannya. Tanggungjawab, peranan dan tugas Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

- (i) meneliti dan membincangkan isu-isu etika dan integriti di kalangan masyarakat dan Ahli-ahli Majlis;
- (ii) merancang dan melaksanakan pelan tindakan integriti berdasarkan Pelan Integriti Nasional terutamanya sasaran utama TEKAD 2008;
- (iii) mencadangkan penambahbaikan program dan aktiviti pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap kesejahteraan sosial masyarakat dan negara, khususnya ke arah pencapaian cabaran keempat Wawasan 2020;
- (iv) mengkaji dan meneliti akta-akta dan peraturan yang berkaitan dengan usaha pengukuhan nilai, etika dan integriti dan membincangkan pandangan serta syor yang berkaitan oleh pihak awam;
- (v) mengemukakan cadangan dan perakuan perubahan dasar, semakan dan pindaan akta-akta dan peraturan tertentu kepada Parlimen untuk diperhalusi, dipertimbangkan dan diluluskan, serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan; dan
- (vi) meneliti dan melaksanakan strategi dan agenda integriti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional untuk institusi politik.

Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah akan menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor yang berkaitan untuk diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujukan atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis.

2. Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang berikut:-

- (1) Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
(Menteri di Jabatan Perdana Menteri) sebagai
Pengerusi;
- (2) Y.B. Tuan Lim Kit Siang (DAP,Ipoh Timur)
- (3) Y.B. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (BN,Gerik)
- (4) Y.B. Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (BN,Papar)
- (5) Y.B. Tuan Teng Boon Soon (BN,Tebrau)
- (6) Y.B. Dr. James Dawos Mamit (BN,Mambong)
- (7) Y.B. Tuan Devamany a/l Krishnasamy (BN,Cameron Highlands)
- (8) Y.B. Puan Tan Lian Hoe (BN,Bukit Gantang)
- (9) Y.B. Datuk Richard Riot anak Jaem (BN,Serian)
- (10) Y.B. Tuan Eric Enchin Majimbun (BN,Sepanggar)
- (11) Y.B. Ir. Edmond Chong Ket Wah (BN,Batu Sapi)
- (12) Y.B. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (PAS, Pengkalan
Chepa)

3. Ringkasan mengenai Integriti boleh diperoleh di **Urus setia Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat, Tingkat 6, Bangunan Parlimen Malaysia** (Telefon: 03-20797489, Puan Roosme Hamzah/ 20797182, Encik Abdul Shukor Mahmood / 20797199, Encik Muhd Sujairi Abdullah) dan boleh diakses melalui laman web parlimen di <http://www.parlimen.gov.my>

4. Jawatankuasa Pilihan Khas ini ingin mempelawa Pertubuhan-pertubuhan, Persatuan-persatuan atau individu untuk mengemukakan cadangan-cadangan atau syor-syor mengenai integriti berlandaskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional. Sebarang cadangan hendaklah dikemukakan seberapa segera ke alamat seperti berikut:

Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat
Mengenai Integriti
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur.
Faks: 03-26986170 / 20317972
Email: jkpilihan.integriti@parlimen.gov.my

5. Jadual tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas ini menemui wakil-wakil Pertubuhan-pertubuhan, Persatuan-persatuan dan individu adalah seperti berikut:

	Tarikh	Masa	Tempat
1.	13 Februari 2006 (Isnin)	10.00 pagi	Bilik Jawatankuasa 2, Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur
2.	20 Februari 2006 (Isnin)	10.00 pagi	Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Aras 1, Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Petaling Jaya, Selangor.
3.	27 Februari 2006 (Isnin)	10.00 pagi	Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang (Esplanade)

(Y.Bhg Dato' Abdullah bin Abdul Wahab)
Setiausaha Bagi Parlimen Malaysia merangkap
Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Mengenai Integriti
Parlimen Malaysia.